

**Dr. Mahathir
dilantik
menjadi
Senator**

BM 31 DECI 1972

A LOR SETAR, Sab-
tu. — Dewan Un-
dangan Negeri Kedah
hari ini telah melan-
tik Dr. Mahathir bin
Mohamed mewakili
negeri itu dalam Sen-
ate.

Cadangan melantik Dr.
Mahathir telah dibuat
oleh Haji Zainuddin bin
Haji Din (Per-Bandar
Baru) dan telah disokong
oleh Haji Ahmad Shukri
(Pas-Satar).

Dr. Mahathir akan
menduduki kerusi yang
telah kosong disebabkan
kematian Senator Hana-
fiah bin S. Alaudin pada
30 Oktober yang lalu.

Seramai lapan orang
anggota Pas masih men-
duduki kerusi-kerusi di
pihak 'pembangkang',
apabila Dewan bersidang,
hari ini.

Encik Manaf bin Abdul-
lah (Per-Padang) telah
m e n g a m b i l tempat
speaker, Haji Salleh bin
Haji Ishak, yang sedang
uzur.

Dewan telah melulus-
kan pindaan kepada
Enekmen 1972 Majlis
Bandaran untuk menaik-
kan elaun bulanan ahli-
ahli Majlis Bandaran
daripada \$100 kepada
\$300.